



UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD HIDZIR BIN BAKAR
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**KURSUS PROGRAM PENGAWASAN ALAM SEKITAR DAN
ANALISIS STATISTIK DATA KUALITI UDARA, SUNGAI DAN MARIN
SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA**

**CHEMSAIN, KUCHING
9 JULAI 2018 (ISNIN)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

MUKADDIMAH

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul dan menghadiri kursus program pengawasan alam sekitar dan analisis statistik data kualiti udara, sungai dan marin. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Pakar Scieno TW Sdn. Bhd dan Chemsain kerana memberi ruang dan bekerjasama dalam penganjuran Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2018.

LATAR BELAKANG EQMP

1. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar atau EQMP merupakan salah satu inisiatif kebangsaan bagi memastikan sistem pengawasan kualiti alam sekitar yang lebih komprehensif dan mantap dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia.

2. Program ini melibatkan pengoperasian stesen-stesen pemantauan kualiti udara, air sungai dan air marin yang akan berfungsi untuk memberi amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan haram buangan serta toksik berbahaya.

3. Bagi Negeri Sarawak, pemantauan tahap pencemaran udara, air sungai dan air Marin di negeri ini akan merangkumi:
 - i. 12 stesen pengawasan kualiti udara automatik;
 - ii. 2 stesen pengawasan kualiti air sungai automatik;
 - iii. 2 stesen pengawasan kualiti air marin automatik
 - iv. 117 stesen persampelan manual air sungai; dan
 - v. 40 stesen manual pengawasan kualiti air marin.

4. Penempatan stesen-stesen ini di seluruh Negeri Sarawak adalah berdasarkan penilaian teknikal dan punca pencemaran yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

KEBAIKAN STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA

Pertambahan stesen pengawasan kualiti udara ini adalah amat penting bagi memantau keadaan udara di Negeri Sarawak terutamanya dengan mengambil kira peningkatan punca pencemar udara seperti asap kilang, kenderaan, pembakaran terbuka dan juga jerebu merentas sempadan.

KEBAIKAN STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Penempatan stesen automatik di hulu Loji Rawatan Air akan membolehkan tindakan mitigasi segera diambil pihak penguatkuasa seperti JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan agar bekalan air ke rumah dijamin bersih dan tidak tercemar.

KEBAIKAN STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin berperanan untuk menambahbaik pengesanan pencemaran laut akibat daripada tumpahan minyak, pelupusan haram dan buangan toksik yang semakin meningkat.

Tuan Puan yang dihormati sekalian,

OBJEKTIF KURSUS

Saya difahamkan kursus ini dibuat di semua JAS Negeri setiap tahun dan kursus pada kali ini bertujuan untuk mededahkan peserta kepada kepentingan pengurusan kualiti air sungai, air marin dan udara. Saya

percaya semua pegawai yang hadir kursus pada kali ini mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan pengurusan kualiti air sungai, air marin dan udara kerana terlibat secara langsung dalam tugas harian baik di pejabat negeri mahupun di cawangan.

Sesi teori dan praktikal termasuk penggunaan instrument EQMP di lapangan, prosedur pengawetan sampel dan lawatan kerja di makmal Chemsain ini akan memberi peserta lebih kefahaman berkaitan *quality assurance / quality control program*.

Tuan Puan yang dihormati sekalian,

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED)

Kursus EQMP pada kali ini adalah sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun dengan membawa tema "*Beat Plastic Pollution*". Hari Alam Sekitar Sedunia disambut bermula pada tahun 1972 dan telah berkembang menjadi sambutan utama seluruh dunia dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar.

Tuan Puan yang dihormati sekalian,

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Program EQMP yang dilaksanakan oleh kerajaan ini adalah kaedah pengukuran kualiti alam sekitar yang amat relevan dengan keperluan semasa dan sebagai perancangan Malaysia pada masa hadapan.

Kejayaan pembangunan rangkaian sistem pengawasan kualiti alam sekitar yang mantap ini merupakan hasil kerjasama NRE, JAS bersama pelbagai agensi/jabatan dan kerajaan Negeri Sarawak.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Program Pengawasan Alam Sekitar Dan Analisis Statistik Data Kualiti Udara, Sungai dan Marin.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.